

Lebih risiko bagi warga emas dijangkiti denggi

LEBIH banyak perhatian harus diberi kepada warga emas yang dijangkiti denggi kerana mereka menghadapi risiko lebih tinggi mengalami penyakit serius atau meninggal dunia, menurut pengarah eksekutif Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID) Singapura, Profesor Leo Yee Sin, semalam.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Sidang Puncak Denggi Asia kelima anjuran kumpulan Suara dan Tindakan Denggi Asia di Hotel Orchard dari Isnin lalu hingga semalam.

Menarik perhatian kajian daripada Institut Kesihatan Sekitaran di Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA), Profesor Leo berkata sekurang-kurangnya 30 peratus daripada mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas di sini tidak pernah dijangkiti denggi.

Pemulihan daripada jangkitan

oleh satu virus denggi memberi imuniti sepanjang hayat terhadap serotaip virus tersebut.

“Oleh itu, kita dapat melihat terdapat jumlah besar penduduk yang berisiko di Singapura, yang boleh mudah dijangkiti denggi,” ujarnya.

Tambahnya, adalah lebih sukar untuk mendiagnos penyakit denggi dalam seorang warga senja.

Menarik perhatian satu kajian dari Taiwan, Profesor Leo berkata terdapat jumlah lebih kecil warga emas yang dijangkiti denggi yang mengalami simptom seperti demam, sakit badan serta ruam.

Meskipun demikian, warga emas menghadapi risiko lebih tinggi perlu dirawat di unit jagaan rapi (ICU) bagi denggi serta mempunyai lebih banyak komorbiditi seperti tekanan darah tinggi dan masalah buah pinggang.

Profesor Leo berkata pesakit

denggi warga emas juga mempunyai kadar kematian yang lebih tinggi, dengan usia mereka yang lanjut bermakna mereka kurang berupaya menangani kesan denggi pada diri mereka.

“Kami perlu mengkaji dengan teliti bagaimana untuk menangani warga emas (yang dijangkiti denggi),” ujarnya.

Konsultan kanan di Jabatan Penyakit Berjangkit di Hospital Besar Singapura (SGH), Dr Shirin Kalimuddin, turut menarik perhatian tentang kesan jangka panjang jangkitan denggi yang mungkin akan menjejaskan pesakit.

Meskipun tiada banyak kajian tentang simptom yang terus dialami lebih tiga bulan selepas dijangkiti denggi sejauh ini, Dr Shirin, yang juga penolong profesor di Sekolah Perubatan Duke-NUS, berkata beban penyakit itu mungkin dipandang rendah.